



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 17/1980**

**Pemberimilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan
Penempatan Berkelompok), 1960 (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 17/1980
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 17/1980

Pemberimilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah berkenaan pemberimilikan pegangan desa atau pegangan bandar di dalam kawasan penempatan berkelompok yang telah diisytiharkan di bawah seksyen-seksyen 4, 5 dan 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960.

2. Di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 "memberimilik" (*to alienate*) bermakna melepaskan tanah Kerajaan untuk selama-lamanya ataupun untuk selama tempoh beberapa tahun, sebagai balasan dibayar cukai tahunan dan lain-lain menurut seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 tetapi termasuk juga melepaskan tanah Kerajaan menurut peruntukan-peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 sebagai balasan dibayar cukai tahunan yang disatukan mulai dari tarikh selepas tarikh pendudukan. Kuasa-kuasa memberimilik tanah Kerajaan yang berupa pegangan desa yang diwujudkan di bawah subseksyen 7(2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 adalah diberi kepada Pentadbir Tanah dan kuasa-kuasa untuk memberimilik pegangan bandar adalah diberi kepada Pengarah yang dilantik khas di bawah Akta ini. Sungguhpun kuasa memberimilik terletak kepada Pengarah atau Pentadbir Tanah, tetapi amalan sekarang ialah Pengarah atau Pentadbir Tanah merujukkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.

3. Kelulusan sesuatu permohonan untuk diberimilik pegangan desa atau pegangan bandar perlulah memenuhi kehendak-kehendak seksyen 79 Kanun Tanah Negara 1965 (lihat takrif 'alienate') dan bagi tujuan ini peruntukan subseksyen 79 (2) menyatakan seperti berikut:-

"79. (2) The following matters shall be determined by the State Authority at the time when it approves the alienation of land under this Act to any person or body:

- (a) the area approved for a alienation or (in the case of land requiring to be surveyed) the area provisionally approved;
- (b) the period for which the land is to be alienated;
- (c) the form of final title under which the land is ultimately to be held;
- (d) the rate per hectare or other lesser unit of area at which the rent to be reserved thereon is to be calculated;
- (e) the question whether any premium is to be charged and, if so, the rate per hectare or other lesser unit of area at which it is to be calculated;
- (f) the question whether (as permitted by subsection 52(5)) the land is to be alienated free from any category of land use and, if not, the category to be imposed (unless already prescribed by a notification having effect in relation to the land under subsection (2) of that section); and
- (g) the express conditions and restrictions in interest (if any) to be imposed."

4. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi Pihak Berkuasa Negeri menentukan perkara-perkara yang tersebut di atas sebelum meluluskan pemberimilikan bagi setiap pegangan desa atau pegangan bandar di dalam sesuatu kawasan penempatan berkelompok, dan jika tindakan tersebut tidak diambil, pegangan tersebut tidaklah boleh dianggap sebagai

telah diberimilik. Oleh kerana pemberimilikan adalah dibuat kepada mana-mana orang atau badan, maka adalah juga mustahak kelulusan itu menyebutkan nama orang atau badan tersebut.

5. Pengurus di sesuatu kawasan pembangunan Persekutuan adalah diberi kuasa di bawah perenggan 10(1)(b) yang terpakai oleh sebab perenggan 38(2)(c) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 untuk membenarkan seseorang itu menduduki pegangan desa dengan harapan mendapat hakmilik tetapi kuasa tersebut hanyalah boleh digunakan selepas kelulusan pemberimilikan oleh Pentadbir Tanah bagi Pihak Berkuasa Negeri sendiri ataupun kelulusan pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri sendiri.

6. Didapati bahawa di beberapa buah negeri belum lagi ada Kaedah-kaedah di bawah subseksyen 32(1) Akta tersebut untuk menentukan cara bagaimana permohonan untuk diberimilik pegangan desa atau pegangan bandar mesti disempurna dan diluluskan. Di dalam keadaan yang demikian, apa jua bentuk borang permohonan, cara memproses atau cara merekod adalah teratur asalkan ianya bersesuaian dengan cara dan prinsip yang berikut:-

- 6.1. permohonan dibuat dalam borang seperti di **Lampiran ‘A’** dan dialamatkan kepada Pentadbir Tanah;
- 6.2. ianya difail dan direkodkan;
- 6.3. kelulusannya direkodkan dan diberitahu kepada pemohon.

7. Nyata juga di sini bahawa belum lagi ada undang-undang kecil di bawah seksyen 37 Akta tersebut mengenai cara-cara membuat permohonan untuk diberimilik pegangan desa atau pegangan bandar dalam kawasan pembangunan Persekutuan. Oleh itu, bahawa sementara menunggu undang-undang kecil itu, permohonan-permohonan tersebut hendaklah dibuat dengan cara yang disebutkan di perenggan 6 di atas.

8. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan bahawa dengan ketiadaan Kaedah-kaedah di bawah subseksyen 32(1) ataupun undang-undang kecil di bawah seksyen 37, sesuatu permohonan untuk diberimilik pegangan desa atau pegangan bandar di mana-mana kawasan penempatan berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 hendaklah dibuat seperti berikut:-

- 8.1. permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran ‘A’** dan dialamatkan kepada Pentadbir Tanah;
- 8.2. permohonan hendaklah difailkan di Pejabat Tanah dan direkodkan di dalam daftar yang sesuai;
- 8.3. kelulusan terhadap permohonan itu hendaklah direkodkan dan diberitahu kepada pemohon.

9. Pekeling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 14/1974 dengan ini dibatalkan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK), 1960

Permohonan Tanah

Diterima oleh saya pada hari bulan 20.....
Bil. surat-menyerat P.T.
Bil. permohonan

.....
Pentadbir Tanah

Tarikh :

Pentadbir Tanah,
.....
.....

Tuan,

Saya dengan hormatnya memohon tanah yang perihalnya ada dinyatakan di bawah ini
bagi maksud

2. Nama penuh, No. K.P. dan alamat saya ialah

Saya yang menurut perintah

.....
Tandatangan

PERIHAL TANAH

Mukim Kawasan
Kawasan Penempatan Berkelompok Pemberitahu Warta No.
No. Petak/Lot